

Headline	Mampu tingkatkan industri perkayuan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	12 Sep 2022	Color	Black/white
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	31	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	406 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,416
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 7,248



## • Perladangan komuniti Eucalyptus

# Mampu tingkatkan industri perkayuan

**JEMPOL:** Perladangan Komuniti melalui penanaman pokok Eucalyptus anjuran Majlis Kayu Kayan Malaysia (MTC) dan Pekilang Papan Lapis Malaysia (MPMA) mampu meningkatkan bekalan kayu serta merencanakan industri perkayuan di negara ini.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Zuraida Kamaruddin berkata, melalui perladangan komuniti Eucalyptus, masyarakat setempat dapat memanfaatkan tanah milik persendirian bagi tujuan penanaman kayu serta memperoleh pendapatan lumayan.

Beliau berkata, sebagai permulaan, seramai 78 penduduk kampung di Batu Kikir, dekat sini dijadikan projek rintis bagi program tersebut yang melibatkan tanah seluas kira-kira 101.2 hektar (250 ekar).

"Konsep perladangan komuniti sudah diamalkan di luar negara dan seharusnya kini dilaksanakan di negara kita."

"Inisiatif ini juga boleh meningkatkan industri perabot selain projek ini dapat memberikan pendapatan lumayan kepada masyarakat yang mempunyai tanah walaupun keluasannya kecil," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan majlis pelancaran nurseri dan perladangan komuniti di Plus Intervest Sdn Bhd, di sini, kelmarin.

Turut hadir, Pengerusi MTC Norrida Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif MTC, Muhtar Suhaili, Pengerusi MPMA, Datuk Sheikh Othman Rahman dan Pengarah Urusan Plus Intervest Sdn Bhd, Datuk Chua Hock Gee.

Zuraida berkata, bagi setiap 0.4 hektar tanah (satu ekar tanah) boleh ditanam dengan 600 batang pokok Eucalyptus dan tanaman tersebut mengambil masa enam tahun bagi mendapatkan

hasil.

"Diharapkan projek ini dapat menjadi peneraju utama sumber bahan mentah bagi industri kayu di negara ini," kata beliau.

Menurut beliau, setiap pemilik tanah yang mahu terlibat dalam program tersebut akan menerima anak pokok Eucalyptus dan dibimbing oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi proses penanaman dan penjagaan pokok.

Selain itu, beliau berkata, daun Eucalyptus juga mempunyai manfaat kerana ia boleh diproses untuk dijadikan minyak kayu putih yang digunakan dalam perubatan tradisional.

Zuraida berkata, modul itu akan dikembangkan dengan melibatkan badan bukan kerajaan (NGO) bagi mencari lebih ramai penduduk setempat mengambil bahagian dalam program tersebut.

Sementara itu, beliau berkata, dalam Jelajah Agrikomoditi Antarabangsa yang dilakukan di 14 negara pada tahun ini, produk kayu Malaysia mendapat sambutan baik kerana ia diiktiraf tahan lebih lama pada harga yang kompetitif.

Beliau berkata lagi bahawa produk perabot kayu dengan kemahiran kerja yang bagus dan berkualiti tinggi mampu menarik pelabur serta pembeli luar negara serta pasaran sektor kayu kini menjadi antara sumber pendapatan utama negara. Hal ini demikian kerana Malaysia berada di kedudukan kelapan negara pengeksport terbesar dunia.

Zuraida berkata, bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini, industri perkayuan merekodkan eksport berjumlah RM13.2 bilion.

- Bernama



**SIRAM AIR...** Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Zuraida Kamaruddin menyiram air selepas menanam pokok jenis 'Eucalyptus' pada program pelancaran Nurseri dan Perladangan Komuniti di Plus Intervest Sdn Bhd, Batu Kikir kelmarin.

• Foto BERNAMA